

# Bermain bebas, selesa tingkatan perkembangan kanak-kanak

**B**ERMAIN adalah lumrah dan sifat semula jadi anak kecil. Dengan cara itu, mereka dapat menerokai dan lebih memahami dunia di sekelilingnya. Oleh bermain adalah sebahagian daripada perkembangan anak anda.

Cuma apa yang merisaukan ibu bapa apabila anak kecil itu berpeluh, yang membuatkan rasa tidak selesa. Peluh yang dibiarkan kering pada kulit anak kecil boleh mengakibatkan masalah seperti bau kurang menyenangkan, rasa terganggu dan meragam, ruam dan rasa gatal.

Selain cara mandi, penjagaan kulit boleh dibantu dengan penggunaan bedak sebelum bermain. Johnson's Baby Powder menggalakkan kanak-kanak bermain di luar rumah melalui kempen Hari Famili Jom Main! di sebuah taman permainan kanak-kanak yang luas direka khas untuk ibu bapa dan anak nikmati keseronokan jalani aktiviti di luar rumah.

Pada 23 Mei lalu, satu acara famili diadakan di Padang Timur, Petaling Jaya dengan kerjasama Q-dess, francais sistem pendidikan tadika bagi golongan kanak-kanak tahap prasekolah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Pemasaran Johnson & Johnson, Stanford Guo, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Puan Noormah Abdul Rauf dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Sukan & Kemudahan Am, Puan Zaharah



● Antara produk bedak Johnson's Baby Powder digunakan kanak-kanak sebelum bermain.

Rustam.

Setiap keluarga yang hadir digalakkan mendaftarkan diri di khemah 'e-Zone' bagi mendapatkan maklumat 'online' berkaitan tip bermain hujung minggu dan musim cuti agar anak tidak bosan melalui portal web di [www.ilovejohnsonsbaby.com/jommain](http://www.ilovejohnsonsbaby.com/jommain).

Guo dalam ucapan perasmianya berkata kebanyakan ibu bapa sedar bahawa udara segara, sinaran matahari dan senaman baik untuk anak mereka. Cuma sekerap manakah mereka memberi peluang kepada anak untuk berlari bebas dan

berseronok serta melakukan apa sahaja yang mereka mahukan, di bawah sinaran matahari?

Menurutnya, terdapat banyak kajian dan laporan akui kebaikan bermain bagi kanak-kanak, terutamanya mainan bebas dan tanpa struktur. Laporan klinikal oleh Kenneth R. Ginsburg yang diterbitkan dalam jurnal American Academy of Pediatrics yang mengatakan bahawa bermain adalah penyumbang utama kepada perkembangan kognitif, fizikal, sosial, emosi dan kesejahteraan kanak-kanak.

"Bermain membolehkan kanak-

kanak mencipta dan menerokai dunia yang dapat mereka kuasai, mengawal perasaan dan membina keyakinan diri. Mereka digalakkan bermain di kawasan lapang agar dapat berlari bebas.

"Kanak-kanak masa kini sering mendapat hiburan di dalam rumah melalui televisyen dan permainan komputer. Selepas sibuk dengan aktiviti sekolah, tuisyen dan kelas bimbingan, mereka tiada masa yang sesuai untuk bermain di luar.

"Ibu bapa juga tidak menggalakkan anak mereka bermain di luar rumah tanpa pengawasan

kerana berasakan tidak selamat," jelas Guo.

Di negara ini, tabiat gaya hidup yang tidak aktif kalangan kanak-kanak semakin menjadi kebiasaan. Sedangkan usia antara empat hingga enam tahun adalah waktu perkembangan yang sangat penting dalam hidup mereka:

Guo berkata, "Kami sangat gembira untuk beri sokongan aktiviti bermain kalangan kanak-kanak dengan hari bermain di luar sekeluarga dengan kerjasama Q-dees Worldwide Edusystem di negara ini."

Pada hari tersebut, kanak-kanak berpeluang menggunakan bedak Johnson's Baby Powder yang mempunyai pelbagai aroma di khemah 'Cool Zone'. Antara aktiviti menarik seperti membuat layang-layang, melepasi halangan, melukis di wajah dan sukaneka.

Ibu bapa yang sentiasa meluangkan masa bersama anak untuk bermain secara langsung dapat beri sokongan kuat kepada mereka.

Antara nasihat daripada ahli psikologi kanak-kanak serta pakar perkembangan bagi meningkatkan masa bermain di luar ialah: Menghadkan masa menonton TV atau bermain permainan video atau hanya membenarkan mereka lakukan kegiatan tersebut selepas bermain; mengajak rakan-rakan di sekolah atau di kawasan perumahan untuk keluar bermain; dan menyediakan permainan luar yang asas seperti buaian, mainan air serta bola.